ثتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DALAM institusi ketenteraan, ciri-ciri kepimpinan seperti ini adalah amat mustahak untuk membezakannya dari institusi-institusi yang lain." - Titah Sempena Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-47 pada 25 Jamadilawal 1429 / 31 Mei 2008.

Pelita Brunei

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"HAI anak Adam, sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kalian pakaian untuk menutupi aurat kalian dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik." - (Surah An Nahl, ayat 81).

TAHUN 55 BILANGAN 44 | 19 جمادى الأخير 1431 | 2 JUN 2010 | Pelita Online Harian : http://www.pelitabrunei.gov.bn | Emel : pelitabrunei@information.gov.bn | Hotline : 2383941 Faksimile : 2381004 | EDISI RABU PERCUMA

Rombakan Menteri-Menteri Kabinet

- Jawatan Menteri Kewangan Kedua ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri
- Jawatan Timbalan Menteri Kewangan diwujudkan semula

Laporan Khas : Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru.

Semasa bertitah ke seluruh negara menerusi Radio dan Televisyen Brunei kira-kira pukul 3.50 petang, baginda menekankan bahawa pelantikan itu adalah bagi tempoh lima tahun iaitu 2010-2015 dengan bermula pada 29 Mei 2010.

Rombakan terakhir barisan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri diumumkan lima tahun yang lalu pada 24 Mei 2005. Rombakan kabinet minggu lalu itu merupakan kali keempat sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kedaulatan dan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 iaitu lebih 26 tahun yang lalu. Pembentukan pertama barisan Menteri-Menteri Kabinet diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 1 Januari 1984. Rombakan pertama berlaku pada Oktober 1986; kedua pada 30 November 1988 dan ketiga pada 24 Mei 2005.

Ke muka 8

Kebawah DYMM berangkat ke Sambutan Ulang tahun ABDB ke 49

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menguji dan menaiki kenderaan ketenteraan yang dilengkapi dengan persenjataan canggih. - Foto : Ramli Tengah.

(Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 4 dan 5).

Sanggup berbasah berkering

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan barisan para pemimpin perlu memiliki personaliti dan sahsiah yang hebat.

Kehebatan itu, titah baginda merangkumi sikap bersih, berkebolehan dan berwawasan termasuk juga sanggup berbasah berkering sehingga diri sendiri tidak lagi penting berbanding pengorbanan untuk agama, raja, bangsa dan negara.

"Jika kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang seumpama itu, maka kitalah orang yang paling beruntung, kerana rakyat dan penduduk boleh berkongsi kehebatan dengan mereka," titah baginda semasa mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru yang disiarkan ke seluruh pelusuk tanah air menerusi Radio dan Televisyen Brunei.

"Inilah yang beta harapkan dan ini juga tema perombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan beberapa lantikan baru," titah baginda lagi.

Baginda bertitah, keadaan negara yang aman lagi makmur adalah segala-galanya kerana ia merupakan pintu kepada semua kebajikan.

Menurut baginda lagi, apabila negara berada dalam keadaan aman dan makmur, semua bentuk pembangunan akan berjalan lancar, lebih-lebih lagi dengan jentera kerajaan yang baik akan membolehkan harapan semakin tinggi untuk melihat kejayaan.

Namun, titah baginda mengingatkan, ianya bukanlah datang bergolek begitu saja tetapi perlu didahului dengan usaha dan kerja keras.

Baginda penuh yakin, tanpa usaha dan kerja keras, kita tidak akan pergi ke mana- mana.

"Siapakah yang lebih wajar untuk mendepani usaha dan kerja keras itu? Jawabnya ialah barisan para pemimpin. Merekalah ikon rakyat untuk dicontohi dan selaku contoh, mereka jua perlu memiliki personaliti dan sahsiah yang hebat," titah baginda.

Bantu raja capai wawasan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa lantikan-lantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri adalah amanah yang sangat berat.

TEKS TITAH PENUH DI MUKA 3

Menurut baginda, jika kita berjaya menjalankannya, maka kita orang yang berbahagia, sebaliknya kalau kita gagal, maka penyesalan jua akan menunggu kita.

"Janganlah ada yang ingin mencipta haluan sendiri-sendiri untuk kepentingan yang terhad, tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan," titah baginda semasa mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru yang disiarkan ke seluruh pelusuk tanah air melalui Radio dan Televisyen Brunei kira-kira pukul 3.50 petang.

Baginda menekankan lantikan juga bererti tugas, kewajipan dan kuasa yang mesti digunakan sejujurnya dengan penuh taat lagi setia.

Apa yang penting, titah baginda lagi, kita perlu membuktikan keadilan tidak mati di Brunei, tetapi ia tetap hidup dan malah subur daripada apa yang dijaja di mana-mana.

INTI SARI TITAH

- Negara yang aman lagi makmur merupakan pintu kepada semua kebajikan
- Pembangunan akan berjalan lancar apabila negara aman dan makmur
- Tanpa usaha dan kerja keras kita tidak ke mana-mana
- Pemimpin selaku ikon rakyat perlu memiliki personaliti dan sahsiah yang hebat.
- Sanggup berbasah berkering demi untuk agama, raja bangsa dan negara
- Jangan mencipta haluan sendiri tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan
- Buktikan keadilan tidak mati di Brunei tetapi tetap hidup dan malah subur dari apa yang dijaja di mana-mana

Poster Menteri-Menteri Kabinet 2010-2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menerbitkan poster Menteri-Menteri Kabinet 2010-2015 sejumlah 25,000 keping.

Poster berkenaan bolehlah diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan cawangannya di Daerah-Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Selain itu PELITA BRUNEI keluaran hari ini juga memuatkan poster tersebut.

'RASUAH MUSUH NEGARA'

Pesanan daripada Biro Mencegah Rasuah

Talian Penting 143

Jadikan membaca Al-Qu'ran tradisi budaya yang rakat lagi kukuh

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa telah mengukir sejarahnya yang tersendiri dengan lima puluh kali berlangsung. Kalaulah ia disebut dengan istilah jangka hayat, bererti usianya sudah mencapai lima puluh tahun.

Bayangkan masa lima puluh tahun, pelbagai kejadian boleh berlaku, termasuklah mereka yang pernah terlibat selaku pengendali dan peserta pertandingan, tentu saja, sudah ada yang telah kembali ke rahmatullah. Semoga roh-roh mereka turut disinari oleh cahaya Al-Qur'an.

Sejarah ini, perlu terus berlangsung. Janganlah ia disekat-sekat. Biarkan ia terus berjalan, selaras dengan sejarah bangsa yang panjang.

Kita jadikan ia *tradisi budaya* yang rakat lagi kukuh di dalam kehidupan kita.

Turunkan kepada generasi demi generasi. Suntik semangat mereka untuk menggemarinya dan bangunkan jiwa-jiwa yang lesu sekiranya ada, untuk sama-sama membina sejarah ini, sehingga tidak akan ada lagi - walau sekerat pun - dari kalangan anak bangsa yang menganggapnya basi.

Jadikan Brunei dan kita semua sebahagian dari sejarah Al-Qur'an itu, dalam makna, kita tidak mampu untuk berpisah dengannya buat selama-lamanya insya-Allah.

Mengapakah kita mesti rapat dengan Al-Qur'an, tidak boleh berenggang dengannya? Kerana kita tahu, ia adalah alat untuk mendekatkan diri kepada Allah, alat untuk kita berkomunikasi dengan-Nya. Tidakkah dengan membaca Al-Qur'an itu sama ertinya kita berkomunikasi dengan Allah, kerana Al-Qur'an adalah Kalam-Nya?

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1431 Hijriah / 2010 Masihi (Malam Kedua) pada hari Khamis, (Malam Juma'at), 13 Jamadilakhir 1431H/ 27 Mei 2010M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Jadi tidak syak lagi, Al-Qur'an adalah *keperluan asasi* kita dan juga tonggak Brunei Darussalam selaku *Negara Zikir.*

Pelbagai langkah sudah kita ambil untuk merealisasikan semangat dan ilmu Al-Qur'an itu manjadi milik umat Brunei. Melalui wadah pendidikan, kita sejak sekian lama lagi telah pun melaksanakannya. Kemudian ditambah lagi dengan penulisan dan penafsiran Mushaf Brunei, penulisan Mushaf UBD menggantikan cokmar dan lain-lain.

Sekarang, kita ada tambahan dua buah lagi pusat pengajian tinggi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), mengapakah kita tidak merancang seperti langkah UBD? Kerana UNISSA dan KUPUSB juga, tentu saja akan mempunyai sama hari-hari konvonya sendiri masing-masing. Takkanlah UBD saja yang kita lihat mengusung mushaf, sedang UNISSA dan KUPUSB tidak?

BERBAGAI langkah sudah kita ambil untuk merealisasikan semangat dan ilmu Al-Qur'an itu manjadi milik umat Brunei. Melalui wadah pendidikan, kita sejak sekian lama lagi telah pun melaksanakannya. Kemudian ditambah lagi dengan penulisan dan penafisan Mushaf Brunei, penulisan Mushaf UBD menggantikan cokmar dan lain-lain.

Langkah seperti ini kita buat, adalah terbit dari niat kita untuk menjulang Al-Qur'an itu setinggi yang mungkin, di samping - secara intelek dan psikologi - untuk menjana semangat dan kemahuan umat supaya terus belajar dan mengamalkannya.

Akhirnya, beta dengan amat sukacita mengucapkan tahniah kepada para peserta di semua peringkat pertandingan, khasnya peringkat akhir kebangsaan ini. Beta berharap, semua mereka itu akan terus bergiat di bidang pembacaan, sambil meningkatkan lagi mutu bacaan masing-masing untuk menghadapi pertandingan - pertandingan mendatang.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Wanita pertama dilantik menjadi Timbalan Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru telah berkenan Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman sebagai **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan**.

Pengumuman rombakan Menteri-Menteri Kabinet itu disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei kira-kira pukul 3.50 petang.

Dengan pelantikan itu, Yang Mulia Datin Hajah Adina merupakan wanita pertama Negara Brunei Darussalam dalam barisan Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam bagi penggal lima tahun akan datang bermula 29 Mei yang lalu sehingga 2015, dan diamanahkan serta diberikan tanggungjawab untuk menyandang jawatan Timbalan Menteri.

Sebelum lantikan berkenaan, Yang Mulia Datin Hajah Adina, 55 tahun, adalah bekas Pengarah Pembangunan Masyarakat, di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sidang Pengarang

Pemberitaan
Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Shari Haji Garib,
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

Ketua Penyuntingan
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyemakan
Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan
Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemahan
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

2 JUN 2010 BERSAMAAN 1431 جمادى الأخير 19

BANTU RAJA CAPAI WAWASAN NEGARA DENGAN KEADILAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru ke seluruh negara telah menitahkan amanat yang cukup penting kepada barisan Menteri-Menteri Kabinet yang dibentuk pada tanggal hari Sabtu, 29 Mei 2010. Amanat titah baginda itu mempunyai dua elemen yang terpenting iaitu pertama 'Janganlah ada yang ingin mencipta haluan sendiri-sendiri untuk kepentingan yang terhad, tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan. Kedua ialah, 'Kita buktikan bahawa keadilan tidak mati di Brunei, tetapi ia hidup dan malah subur dari apa yang dijaja di mana-mana'.

Baginda melihat dengan ikhlas bahawa lantikan-lantikan itu adalah amanah, dan amanah itu pula terlalu berat untuk disahan dan apatah lagi untuk dipikul; lantikan itu juga bererti tugas, kewajipan dan kuasa. Ketiga-tiga unsur berkenaan mestilah diguna pakai dan digunakan dengan sejujur-jujurnya, di samping digandingi dengan ketaatan lagi penuh kesetiaan, kerana ianya banyak menyangkut kepentingan-kepentingan rakyat jelata. Baginda berpendapat jika elemen-elemen itu berjaya kita jalankan dengan baik dan berkesan, maka kebahagiaan tentu saja akan menunggu di hadapan, tetapi jika kegagalan yang diterima, maka alamatnya penyeselan jua akan menunggu kita. Unsur-unsur kegagalan sebeginilah yang baginda tidak mahu sama sekali berlaku dalam mengurus negara, kerana negara akan menanggung kerugian, sementara rakyat akan kecewa, mengkritik dan sebagainya.

Apa yang baginda mahukan, keikhasan dalam membuat sebarang pekerjaan bukannya ada unsur-unsur kepentingan sendiri iaitu mencipta haluan-haluan sendiri untuk kepentingan lain. Apa yang baginda mahukan semua jentera kerajaan baginda membantu baginda dalam mengurus dan mentadbir negara, lebih-lebih lagi untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan. Sememangnya negara mempunyai wawasan yang cukup besar untuk dicapai iaitu pertama, Wawasan Brunei 2035 yang akan kita realisasikan dalam masa 25 tahun akan datang. Wawasan kedua ialah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah 'Negara Zikir.' Kedua-dua wawasan ini cukup mencabar kita dan menuntut semua agar lebih responsif, bekerja lebih kuat, komitmen yang tinggi serta mempunyai ketahanan diri dalam mengharunginya agar ianya menjadi kenyataan. Kita tidak mahu ianya seperti mimpi di siang hari dan menjadi angan-angan, tetapi perlu dibuktikan. Sebab itu baginda mengajak semua barisan kabinet baru sama ada menteri dan timbalan menteri membantu baginda dalam semua aspek pentadbiran dan pengurusan kerajaan baginda supaya dengan itu hasilnya tentu saja berupaya kesejahteraan, kemakmuran dan kesentosaan yang akan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat yang bernaung di bumi Darussalam ini. Begitu juga baginda mahukan supaya dalam apa jua serbi selayaknya keadilan itu diutamakan dan tidak ada unsur-unsur menyakitkan sesiapa. Biarlah keadilan itu bukan sahaja terus tetap hidup malah yang penting tetap subur bersemi di Brunei daripada apa yang dijaja di mana-mana. Biarlah bumi Darussalam ini menjadi bukti bahawa keadilan itu tetap hidup dan tidak mati di negara ini.

Semasa mengumumkan rombakan baru itu, baginda menekankan barisan kabinet baru itu merupakan barisan para pemimpin yang akan menjadi ikon rakyat untuk dicontohi, dan selaku contoh mereka juga perlu memikili personaliti dan saksiah yang hebat yang sanggup berbasah berkering dan sanggup turun padang ke mana-mana tanpa mengira waktu dan masa, memiliki sikap bersih, berkebolehan dan berwawasan termasuk sehingga diri sendiri tidak lagi penting berbanding dengan pengorbanan untuk agama, raja, bangsa dan negara. Inilah yang menjadi harapan tinggi baginda kerana dengan mempunyai pemimpin-pemimpin sedemikian maka segala lapisan rakyat dan penduduk boleh berkongsi kehebatan dengan mereka.

Harapan kita semua, semoga pembentukan kabinet baru ini akan membawa negara lebih makmur, lebih sejahtera dan lebih bahagia. Inilah sebenarnya yang dihasratkan oleh baginda ke arah merancakkan lagi pembangunan negara, terutama sekali dalam usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mapan dan cemerlang. - **KETUA Bahagian PELITA BRUNEI.**

Buktikan keadilan tidak mati di Brunei

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDU-LILLAHI Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Awal kalam, kita wajib bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas kemurahan-Nya mengurniakan kita pelbagai nikmat dan kelebihan.

Keadaan negara yang aman bagi makmur adalah segala-segalanya. Tidak ada yang lebih dihajati daripada ini, kerana ia merupakan pintu kepada semua kebajikan.

Manakala negara, apabila berada dalam keadaan aman dan makmur, semua pembangunan akan berjalam lancar. Ditambah lagi dengan jentera kerajaan yang baik, akan membolehkan harapan semakin tinggi untuk melihat kejayaan.

Namun ini bukanlah datang bergolek begitu saja, tetapi perlu didahului dengan usaha dan kerja keras.

Tanpa usaha dan kerja keras, kita tidak akan ke mana-mana.

Siapakah yang lebih wajar untuk mendepani usaha dan kerja keras itu? Jawabnya ialah barisan para pemimpin. Merekalah ikon rakyat untuk dicontohi dan selaku contoh, mereka juga perlu memiliki personaliti dan sahsiah yang hebat.

Keadaan di sini turut merangkumi sikap bersih, berkebolehan dan berwawasan, termasuk juga sanggup berbasah dan berkering, sehingga diri sendiri tidak lagi penting, berbanding pengorbanan untuk agama, raja, bangsa dan negara.

Jika kita mempunyai pemimpin - pemimpin yang seumpama itu, maka kitalah orang yang paling beruntung, kerana rakyat dan penduduk boleh berkongsi kehebatan dengan mereka.

Inilah yang beta harapkan dan ini juga tema perombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan beberapa lantikan baru seperti berikut:

1. Beta sendiri selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.

2. Paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

3. Paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dilantik, sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

4. Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, sebagai Menteri Pendidikan.

5. Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Haji Mohd. Yusof, sebagai Menteri Kesihatan.

6. Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai Menteri Pembangunan.

7. Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Perhubungan.

8. Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

9. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

10. Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

11. Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Menteri Tenaga *(Minister of Energy)* di Jabatan Perdana Menteri.

12. Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

13. Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

14. Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdulah sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

15. Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

16. Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

17. Awang Haji Bahrin bin Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

18. Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

19. Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong sebagai Timbalan Menteri Pembangunan.

20. Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

21. Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan

22. Datin Hajah Adina binti Othman sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pelantikan ini bermula dari hari ini, hari Sabtu, 15 haribulan Jamadilakhir tahun 1431 Hijriah bersamaan dengan 29 haribulan Mei tahun 2010 masihi bagi tempoh selama lima tahun.

Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya Jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara mulai hari ini adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Lantikan-lantikan ini adalah amanah dan amanah itu pula sangatlah berat. Jika kita berjaya menjalankannya, maka kitalah orang yang berbahagia, sebaliknya kalau kita gagal, maka penyesalan jua akan menunggu kita.

Lantikan juga bererti tugas, kewajipan dan kuasa. Ia mesti digunakan sejujurnya dengan penuh taat lagi setia.

Janganlah ada yang ingin mencipta haluan sendiri-sendiri untuk kepentingan yang terhad, tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan.

Kita buktikan bahawa keadilan tidak mati di Brunei, tetapi ia hidup dan malah subur dari apa yang dijaja di mana-mana.

Akhirnya, beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik, di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan kebajikan dan kebahagiaan.

Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada hari Sabtu, 29 Mei 2010.

JANGANLAH ada yang ingin mencipta haluan sendiri-sendiri untuk kepentingan yang terhad, tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan.

KEADAAN di sini turut merangkumi sikap bersih, berkebolehan dan berwawasan, termasuk juga sanggup berbasah dan berkering, sehingga diri sendiri tidak lagi penting, berbanding pengorbanan untuk agama, raja, bangsa dan negara.

LANTIKAN MENTERI-MENTERI KABINET 2010-2015

ANALISIS OLEH : JAAFAR IBRAHIM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu, 29 Mei 2010 telah mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei kira-kira pukul 3.50 petang. Serentak dengan rombakan itu, baginda juga telah mengumumkan pelantikan-pelantikan baru barisan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri bagi tempoh lima tahun akan datang sehingga 2015 bermula dari tarikh pengumuman itu. Titah pengumuman khas itu sememangnya amat ditunggu-tunggu oleh semua lapisan rakyat Negara Brunei Darussalam bila mana televisyen Brunei menyiarkan *slot ticker* melalui RTB 1 dan RTB 2 dan mengumumkan berulang kali mengenai dengan pengumuman khas itu melalui semua rangkaian Radio Brunei.

Rombakan kabinet tahun ini merupakan kali keempat sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kedaulatan dan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 lebih 26 tahun yang lalu dengan pembentukan pertama barisan Menteri-Menteri Kabinet pada 1 Januari 1984. Rombakan pertama berlaku pada Oktober 1986 dan kedua pada 30 November 1988 dan ketiga pada 24 Mei 2005. Walau bagaimanapun rombakan yang diumumkan oleh baginda masih mengekalkan 12 kementerian sejak 1984. Kementerian-kementerian berkenaan ialah Jabatan Perdana Menteri, Pertahanan, Kewangan, Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pendidikan, Kesihatan, Pembangunan, Perhubungan, Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Hal Ehwal Ugama, Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam rombakan baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengumumkan penempatan jawatan Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan mewujudkan semula portfolio Timbalan Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun dalam rombakan kali ini, tiga jawatan Timbalan Menteri ditiadakan iaitu Timbalan Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Perhubungan dan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Berikutan dengan rombakan baru, keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet mengandungi 14 orang dan lapan orang Timbalan Menteri.

Apa yang menggembirakan, dalam pengumuman khas itu, baginda telah berkenan melantik wanita pertama Negara Brunei Darussalam menyandang portfolio sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sesungguhnya pelantikan itu mencerminkan hasrat murni baginda bagi membawa wanita untuk bersama- sama memikirkan masa depan bangsa dan negara. Lantikan itu juga merupakan pengiktirafan baginda kepada wanita Negara Brunei Darussalam bahawa kaum hawa itu kini telah berjaya duduk dan berdiri setanding dan sebaris dengan kaum lelaki. Begitu juga jawatan Peguam Negara yang kini dipegang oleh wanita pertama Brunei adalah jawatan yang bertaraf Menteri. Insya-Allah, di hari muka, kita akan dapat terus melihat bahawa akan lebih ramai lagi wanita Brunei yang akan dilantik memegang jawatan tinggi dalam kerajaan.

Semasa mengumumkan rombakan baru itu, baginda menekankan bahawa lantikan-lantikan ini adalah amanah yang sangat berat. Menurut baginda, jika kita berjaya menjalankannya, maka kitalah orang yang berbahagia, sebaliknya kalau kita gagal, maka penyesalan jua akan menunggu kita. Baginda menegaskan bahawa lantikan itu juga bererti tugas, kewajipan dan kuasa yang semestinya digunakan sejujurnya dengan penuh taat lagi setia. Mereka merupakan barisan-barisan para pemimpin yang akan menjadi ikon rakyat untuk dicontohi dan selaku contoh mereka juga perlu memiliki personaliti dan saksiah yang hebat. Kehebatan itu merangkumi sikap bersih, berkebolehan dan berwawasan termasuk juga sanggup berbasah dan berkering sehingga diri sendiri tidak lagi penting berbanding dengan pengorbanan untuk agama, raja, bangsa dan negara. Inilah yang menjadi harapan dan cita-cita besar baginda di mana dengan mempunyai pemimpin-pemimpin bercorak sedemikian maka segala lapisan rakyat dan penduduk boleh berkongsi kehebatan dengan mereka.

Ke muka 7

Berangkat ke Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Siti Zuraihah Awang Sulaiman
Foto : Ramli Tengah, Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TUTONG, Isnin, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 di Penanjong Garison.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sejurus berangkat tiba di padang kawad, Kebawah DYMM berkenan menerima tabik hormat diraja dan memeriksa pasukan-pasukan perbarisan raksasa seramai 1,449 anggota ABDB terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Tentera Wanita, Institut Latihan ABDB (IL ABDB) dan Rejimen Pasukan Khas (RPK) ABDB di bawah perintah Ketua Perbarisan, Leftenan Kolonel Awang Mohd. Ismaon bin Haji Zainie.

Selepas baginda memeriksa perbarisan, acara disusuli dengan perbarisan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM dan Panji-Panji Pasukan ABDB.

Selepas pergerakan perbarisan, baginda sekali lagi disembahkan dengan tabik hormat diraja diikuti dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB diikuti laungan suara tiga kali *'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik'*.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan titah dan kemudian doa selamat dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB (JA'MAAT), Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Abdur' Rahim bin Haji Abd. Karim.

Selepas itu, baginda dijunjung bersemayam di bilik tetamu di Markas IL ABDB bagi Majlis Santap Ringan sebelum dijunjung berangkat untuk menyaksikan pameran-pameran statik yang disembahkan oleh TUDB, TLDB dan RPK, dan pertunjukan memanah serta menunggang kuda yang turut dipersembahkan.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Waran/Staf Sarjan/Sarjan Penanjong Garison bagi Majlis Junjung Ziarah Bersama Pegawai Tidak Bertauliah Kanan ABDB.

Selepas itu, baginda dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah dan bergambar ramai.

Sebelum berangkat meninggalkan mes, baginda berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan Khas Diraja.

Daripada Mes Pegawai Waran/Staf Sarjan/Sarjan, baginda dijunjung berangkat ke pameran statik bertempat di Bangunan Kompeni Rekrut, IL ABDB dan Pusat Optima Kecergasan Tentera.

Kebawah DYMM kemudian berangkat bagi menyaksikan pameran statik TDDB di Sekolah Infantri.

Selepas menyaksikan pameran, baginda dan DYTM dijunjung berangkat ke bangunan Kelab Peringkat Rendah/Perpustakaan.

Baginda dan DYTM telah disembahkan dengan pesambah dan seterusnya berkenan untuk acara bergambar ramai.

Kemudian baginda dan DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada lain-lain peringkat ABDB dan kemudiannya menandatangani Lembaran Keberangkatan Khas Diraja.

Sesudah itu, baginda dijunjung ke *Blue Tower* untuk menyaksikan aktiviti *rock climbing*, *flying fox*, *abseiling* dan *roping* oleh anggota TDDB dan jurulatih-jurulatih latihan jasmani Pusat Optima Kecergasan Tentera sebelum bertolak ke Mes Pegawai Penanjong Garison.

Ke muka 5

1. **KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan bergambar ramai sempena keberangkatan bagi sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 di Penanjong Garison. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.**

2. **KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan memotong kek sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49.**
3. **KEBAWAH DYMM berkenan memeriksa barisan kehormatan.**
4. **BAGINDA berkenan menandatangani lembaran kenangan sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49.**
5. **DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa berangkat di Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49.**
6. **DYTM ketika menerima tabik hormat diraja.**
7. **SEBAHAGIAN anggota tentera wanita yang menyertai barisan kehormatan.**

1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tertarik dengan satu bahan yang dipamerkan.
2. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berinteraksi bersama seorang pegawai yang bertugas.
3. BAGINDA ketika menaiki kenderaan khas semasa memeriksa barisan kawalan kehormatan.

Berangkat ke Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49

Dari muka 4

Semasa di Mes Pegawai Penanjong Garison, baginda dan DYTM berserta kerabat diraja yang lain telah disembahkan dengan Majlis Santap bersama-sama pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan, ABDB dan juga mantan-mantan pemerintah ABDB.

Baginda juga berkenan memotong kek Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-49 dan seterusnya berkenan menerima pesambah.

Pada Majlis Santap, baginda disembahkenalkan kepada pegawai-pegawai Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Kementerian Pertahanan Ke-7.

Program EDP kali ini disertai oleh pegawai-pegawai kanan tentera dari ABDB, pegawai-pegawai kanan awam dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta Kementerian Kesihatan dan buat kali pertama pegawai kanan dari Kesultanan Oman.

Selepas Majlis Santap, baginda dan DYTM berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai ABDB yang berkhidmat dan bersara.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dan DYTM berkenan menandatangani Buku Pelawat Khas Diraja dan seterusnya bergambar ramai bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Sambutan Ulang Tahun ABDB tahun ini bertemakan *'Mempertahankan Negaraku Brunei Darussalam'* diselaraskan dengan tema sambutan Hari Kebangsaan Ke-26 iaitu *'Negaraku Brunei Darussalam'* yang merupakan tekad semua warga ABDB selaku rakyat mutlak Negara Brunei Darussalam untuk saling bekerjasama dalam mendukung dan menanai tanggungjawab mempertahankan negara.

Benteng pertahanan negara hendaklah sentiasa dijaga dan dipelihara dari dicerobohi oleh anasir dalam dan luar bagi memastikan keamanan, kesejahteraan, kemakmuran serta kedaulatan sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Perpaduan, persefahaman jitu perlu bagi setiap anggota ABDB

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Mei. - Perpaduan dan persefahaman yang jitu daripada setiap anggota tentera adalah perlu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara proaktif, tulus dan jujur.

Sehubungan itu, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin menyarankan agar warga ABDB yang semakin berilmu dan berkemahiran tinggi perlu menggembleng tenaga dan meningkatkan tahap kerohanian diri masing-masing demi memupuk keharmonian dan kesejahteraan institusi pertahanan yang berkekalan.

"Usaha seumpama ini adalah sesuai dengan usia ABDB yang mencapai separuh abad pada tahun 2011 dan menjadikannya lebih matang ke arah mencapai kewibawaan yang dihasratkan," tegas Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan dalam Buku Atur Cara Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49.

Menyentuh tema sambutan Hari Ulang Tahun ABDB tahun ini, *'Mempertahankan Negaraku Brunei Darussalam'*, Pemerintah ABDB menjelaskan bahawa benteng pertahanan negara hendaklah sentiasa diperlihara dan pertahankan daripada dicabuli oleh anasir dalam dan luar bagi memastikan keamanan, kesejahteraan, kemakmuran serta kedaulatan sebuah negara yang didukung dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sentiasa terjamin.

Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Penanjong Garison, Daerah Tutong yang melibatkan semua unit besar dengan didahului upacara perbarisan raksasa.

4. BAGINDA semasa mencuba peralatan memanah yang digunakan oleh anggota ABDB.
5. & 6. BAGINDA semasa disembahkan penerangan oleh seorang pegawai.
7. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB semasa menguji dan menaiki kenderaan ketenteraan yang digunakan oleh anggota ABDB.

Pelbagaikan penghasilan bahan dan produk tempatan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Foto : Masri Osman, Abdullah Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Institusi pengajian tinggi di negara ini bertanggungjawab bagi menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan membina kapasiti ke arah mempelbagaikan lagi penghasilan bahan dan produk tempatan yang merangkumi dari bahan binaan hinggalah ke produk makanan berproses.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Ke-19, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Pihak institut sabda Duli Yang Teramat Mulia, patutlah juga menggiatkan penyelidikan produk-produk berpotensi, untuk dikembangmajukan pengusaha-pengusaha tempatan kerana usaha-usaha sedemikian itu, sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan pergantungan kita terhadap bahan import.

Seperti yang difahamkan, sabda DYTM seterusnya, ITB telah juga memuatkan perkhidmatan masyarakat sebagai salah satu inisiatif dalam pelan strategiknya dengan tujuan membantu mengeratkan lagi hubungan antara institut dengan masyarakat sekeliling.

"Adalah diharapkan, para pelajar akan memanfaatkan kesempatan itu dengan sebaik-baiknya, iaitu dengan bersungguh-sungguh melakukan kerja-kerja amal tersebut serta menanamkan sikap pemedulian yang tinggi, di samping menyumbangkan buah fikiran atau mencetuskan pelbagai inovasi yang dapat membantu para pengusaha tempatan dan masyarakat pada umumnya," sabda DYTM.

Tanggungjawab sosial tersebut menurut sabda DYTM juga adalah wadah ke arah membina keyakinan diri, serta pendedahan dan pengalaman dalam perihal kepimpinan.

Sesuai dengan peningkatan taraf ITB sebagai sebuah universiti, sabda DYTM lagi, peranan dan tanggungjawabnya juga setentunya semakin mencabar.

Perubahan sikap dan peningkatan usaha di kalangan warga akademik khususnya sabda DYTM, merupakan *critical success factor*, ke arah memastikan ITB dapat berkembang dengan pesat dan mampu bersaing dengan universiti luar negeri, khususnya universiti-universiti yang terkemuka.

"Ini termasuklah dengan memainkan peranan utamanya untuk mengembangkan aspek intelek, rohani, jasmani dan kemahiran keusahawanan dalam diri para mahasiswa, bagi menjadikan mereka sebagai aset sumber manusia yang seimbang, berkeupayaan serta berani menangani cabaran dengan penuh keyakinan dan bijaksana," sabda DYTM.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan mengurniakan sabda di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Ke-19, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Tanamkan minda positif, jati diri dan bersedia hadapi cabaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, para graduan hendaklah menanamkan minda yang positif serta mempunyai jati diri yang mantap dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dalam apa jua pilihan serta hala tuju kerjaya masing-masing.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sabda Duli Yang Teramat Mulia, juga akan terus berusaha, memantapkan dasar dan meningkatkan inisiatif yang menjurus kepada perkembangan keusahawanan yang mapan.

Menyatakan perkara tersebut di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Ke-19, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, DYTM seterusnya bersabda semua pihak di negara ini, sama ada di sektor awam ataupun swasta, hendaklah tidak memandang ringan tanggungjawab untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan tempatan, yang berteraskan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

Dalam pada itu, sabda DYTM, statistik import komoditi ke negara ini pada tahun 2008 adalah melebihi BND3.6 bilion yang meliputi produk makanan, kimia, jentera dan peralatan kenderaan, bahan binaan asas, produk pasang siap serta bahan nilai tambah lainnya.

Di samping itu, DYTM menambah sabda negara juga masih bergantung sebahagian besarnya kepada tenaga asing bagi keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama graduan di Majlis Konvokesyen ITB Ke-19, di ICC, Berakas.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sijil kepada graduan-graduan sempena Majlis Konvokesyen ITB Ke-19.

"Keadaan ini, sepatutnya membuka minda dan meningkatkan lagi semangat patriotisme kita untuk terus berusaha ke arah pembuatan dan pengeluaran produk tempatan berbekalkan keupayaan yang telah dibangunkan selama ini," sabda DYTM.

DYTM bersabda sudah sampai masanya untuk negara menghasilkan atau mencipta sesuatu yang mempunyai nilai tambah setempat dengan dukungan dasar yang sentiasa menggalakkan peningkatan hasil pengeluaran produk atau perkhidmatan tempatan.

Ke arah itu, sabda DYTM selanjutnya, adalah penting usaha yang berterusan dibuat bagi mendidik anak bangsa semata-mata bagi memastikan negara sentiasa memiliki sumber tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang berupaya mendukung agenda pembangunan negara dalam berbagai bidang termasuklah yang berkaitan dengan pembangunan dalam bidang perekonomian domestik ini.

Terdahulu DYTM bersabda, sumber pasaran pekerjaan tempatan akan lebih dimantapkan lagi dengan bertambahnya aset sumber tenaga manusia yang berkemahiran, yang diharapkan untuk dapat menjana pembangunan dan mengembangkan perusahaan - perusahaan alternatif yang berdaya maju, selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu bagi melahirkan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, taraf kehidupan yang berkualiti tinggi, dengan kedudukan ekonominya yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah merealisasikan hasrat tersebut sabda DYTM lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menekankan peri mustahaknya sektor swasta sebagai jentera perkembangan ekonomi untuk terus berusaha meningkatkan aktiviti- aktiviti perekonomian di negara ini, bagi membuka peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya peranan sektor swasta dalam meningkatkan produktiviti dan kemakmuran negara.

"Dalam hubungan ini, saya mengharapkan agar lebih ramai lagi graduan, termasuklah lepasan ITB, yang tampil ke hadapan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya yang berbentuk *technoprenuer*, bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi," sabda DYTM.

Bidang tersebut sabda DYTM, diketahui menawarkan ruang yang begitu luas dan seharusnya diterokai oleh para graduan.

Kerjasama GCC-ASEAN beri manfaat kepada Brunei Darussalam

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 31 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat menghadiri Jamuan Makan Malam bagi Menteri-Menteri ASEAN-GCC yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Terdahulu sebelum itu, DYTM bersama Menteri-Menteri Luar ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dibawa melawat pameran *'Rihlah* - Masyarakat Arab Di Asia Tenggara' yang mempamerkan sejarah mengenai kehadiran budaya Arab di Asia Tenggara.

Jamuan Makan Malam bagi mengalu-alukan kedatangan Menteri-Menteri Luar ASEAN dan Majlis Kerjsama Teluk (GCC) yang akan menyertai Mesyuarat Ke-2 ASEAN-GCC dianjurkan oleh Perpustakaan Kebangsaan Singapura.

Republik Singapura menjadi tuan rumah Mesyuarat Ke-2 ASEAN-GCC yang akan diadakan pada 1 Jun 2010.

Mesyuarat dijangka akan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Kemboja, Hor Namhong dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Kuwait, Dr. Sheikh Mohammed Sabah Al-Salem Al-Sabah.

Mesyuarat ASEAN-GCC Ke-2 yang merupakan susulan dari permesyuaratan pertama di Manama, Bahrain pada bulan Jun 2009 menunjukkan peningkatan hubungan ASEAN-GCC.

Pertemuan ini diharap dapat menyokong kepada Pelan Rencana dua tahun selain dapat meningkatkan kerjasama yang lebih erat dan menjaga momentum positif hubungan ASEAN-GCC.

GCC terdiri dari Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) ditubuhkan pada 4 Februari 1981 dengan sidang kemuncaknya yang pertama pada 25 Mei 1981 di Abu Dhabi, UAE.

Pada mesyuarat pertamanya di Bahrain para menteri bersetuju supaya Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-GCC bagi tahun 2010 diadakan di negara ASEAN selain sepakat untuk mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri itu pada setiap dua tahun dan dihoskan secara bergilir antara GCC dan ASEAN.

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN - GCC kali ini diharap akan dapat mengeratkan lagi kerjasama ASEAN - GCC dan selain memberi banyak manfaat kepada Negara Brunei Darussalam ia juga membuka peluang kepada para menteri untuk bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan kemungkinan bagi mengadakan perjanjian perdagangan bebas.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa bersalaman bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

DYTM berbual mesra bersama seorang menteri yang menghadiri Jamuan Makan Malam bagi Menteri-Menteri ASEAN-GCC.

Menteri-Menteri Luar ASEAN-GCC bermesyuarat di Republik Singapura

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman
dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 30 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat tiba di Republik Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Kedua ASEAN - Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang akan berlangsung pada 31 Mei hingga 1 Jun 2010.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi dialu-alukan oleh Pengarah Direktorat Asia Tenggara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Peter Tan Hai Chuan.

DYTM semasa bergambar ramai bersama rakan sejawat di Majlis Jamuan Makan Malam bagi Menteri-Menteri ASEAN-GCC yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, TYT George Yeo.

DYTM berkenan menerima junjung ziarah kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Republik Singapura. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Dari muka 3

LANTIKAN MENTERI-MENTERI KABINET 2010-2015

Dalam titah khas itu, baginda juga tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang tidak lagi dilantik. Atas khidmat dan jasa mereka sumbangkan selama lima tahun itu, baginda berdoa semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan kebajikan dan kebahagiaan.

Semogalah rombakan dan pelantikan baru itu akan terus membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kejayaan yang lebih gemilang lagi dalam semua aspek pembangunan dan kemajuan. Hasrat dan matlamat kita hanya bertekad satu tujuan dan satu destinasi dengan mengharapkan semoga perubahan-perubahan itu akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera pentadbiran dalam kerajaan yang mana matlamat yang dihajati ialah satu pentadbiran yang cekap, bersih, amanah lagi jujur demi untuk kebaikan dan kemakmuran bumi kita yang bertuah ini serta bagi kesejahteraan semua lapisan rakyat dan penduduk jua. Yang jelas rombakan kabinet kali ini mengadunkan mereka yang berpengalaman dan menggandingkan dengan generasi baru yang berkaliber, dinamik dan berwawasan. Inilah sebenarnya yang dihasratkan oleh baginda yang menampilkan barisan-barisan muka baru bagi merancakkan lagi pembangunan negara terutama sekali dalam usaha kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mapan dan berdaya saing. Akhirnya kita mengucapkan sekalung tahniah kepada mereka yang dilantik bagi membarisi Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam bagi tempoh 2010-2015.

Dalam hubungan ini, baginda mengingatkan kepada barisan Menteri-Menteri Kabinet agar terus membantu raja bagi mencapai wawasan negara dengan keadilan. Baginda juga bertitah mengingatkan. *"Janganlah ada yang ingin mencipta haluan sendiri-sendiri untuk kepentingan yang terhad, tetapi bantulah raja untuk mencapai wawasan negara dengan keadilan. Kita buktikan keadilan tidak mati di Brunei, tetapi ia hidup dan malah subur dari apa yang dijaja di mana-mana."*

ASEAN-GCC kecam kekejaman Israel

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama Timbalan Menteri Luar Myanmar, Tuan Yang Terutama Maung Myint semasa sesi ASEAN-GCC *Ministerial Meeting Retreat.*

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman
dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 1 Jun. - Serangan ke atas misi bantuan ke Jaluran Gaza menjelang subuh 31 Mei yang dilakukan oleh tentera Israel yang tidak bertanggungjawab baru-baru ini turut menjadi isu yang dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri Luar ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Ke-2 di Republik Singapura.

Perkara ini terkandung dalam Kenyataan Bersama Menteri-Menteri ASEAN dan GCC hari ini di mana mereka menganggap serangan yang dilakukan tersebut sebagai serangan kedua oleh pihak berkuasa Israel ke atas kapal penumpang luar negeri terhadap kemanusiaan, Marmara Mavi pada Mei 31 yang lalu.

Dalam Kenyataan itu, para menteri sangat menyesal dan mengecam ke atas serangan kejam dan tidak berperikemanusiaan Israel di perairan antarabangsa.

Para menteri turut menyatakan rasa simpati dan takziah mereka kepada para korban serangan dan perpaduan dengan masyarakat dan pemerintah Turki dan negara-negara lain.

Sehubungan dengan kejadian tersebut, para Menteri ASEAN-GCC mendesak bagi pembebasan ke atas mereka yang masih menjadi tahanan oleh pihak berkuasa Israel.

Mereka juga menyeru penghapusan kepungan Israel sesuai dengan resolusi Majlis Keselamatan PBB yang relevan, khususnya Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) 1860.

"Melalui serangan dan keganasan yang dilakukan oleh Israel, negara beberkenaan telah sekali lagi mencipta rintangan tambahan untuk proses perdamaian Timur Tengah yang saat ini memasuki tahap kritis dengan pelancaran *'perbualan pendekatan',"* tegas kenyataan berkenaan.

Para menteri bersetuju tentang perlunya kerjasama antarabangsa untuk memastikan bahawa Israel bertanggungjawab di atas perbuatan yang telah dilakukan dan tindakan bersesuaian perlu diambil ke atasnya berpandukan undang-undang antarabangsa secara khusus, dengan mendesak PBB untuk mengeluarkan tanggungjawab-tanggungjawab sesuai dengan piagamnya, termasuk penyelidikan menyeluruh terhadap serangan Israel dalam rangka untuk memastikan akauntabilitinya.

PARA menteri mendesak bagi pembebasan ke atas mereka yang masih menjadi tahanan oleh pihak berkuasa Israel.

Pelan Tindakan Bersama 2010-2012 diluluskan

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 1 Jun. - Para Menteri Luar ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dalam Mesyuarat ASEAN-GCC Ke-2 para menteri juga turut membincangkan perkembangan hubungan kerjasama kedua-dua pertubuhan berkenaan dengan meluluskan Pelan Tindakan Bersama Dua Tahun bagi kerjasama antara ASEAN dan GCC (2010-2012); dan bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju masa depan hubungan ASEAN-GCC.

Mesyuarat Kedua itu juga merupakan susulan kepada permesyuaratan pertamanya yang berlangsung di Manama, Bahrain pada bulan Jun 2009, dan menunjukkan pertumbuhan yang kuat dari hubungan ASEAN-GCC. Pertemuan ini diharapkan dapat menyokong kepada Pelan Rencana dua tahun dan bertujuan dapat meningkatkan kerjasama yang lebih erat dan menjaga momentum positif dalam hubungan ASEAN-GCC.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja, Tuan Yang Terutama Hor Namhong dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait, Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammed Sabah Al-Salem Al-Sabah.

GCC terdiri dari Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) ditubuhkan pada 4 Februari 1981 dan sidang kemuncaknya yang pertama diadakan pada 25 Mei 1981 di Abu Dhabi, UAE.

Pada mesyuarat pertamanya di Bahrain para menteri juga bersetuju supaya mesyuaratberkenaan bagi tahun 2010 diadakan di negara ASEAN, selain sepakat untuk mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri itu pada setiap dua tahun dan dihoskan secara bergilir antara GCC dan ASEAN. ASEAN sangat berharap bagi mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-GCC yang lengkap tahun ini ke arah mengukuhkan hubungan ASEAN-GCC dalam bidang-bidang perdagangan dan pelaburan, pelancongan dan keselamatan tenaga kepada satu tahap yang lebih tinggi.

KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijunjung oleh Menteri Luar Republik Singapura, TYT George Yeo di Lido, Sentosa Golf Club.

Dengan berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-GCC ini ianya diharapkan akan dapat mengeratkan lagi kerjasama kedu-dua rantau berkenaan selain memberi banyak manfaat kepada Negara Brunei Darussalam, di samping para menteri juga dapat bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan kemungkinan bagi mengadakan perjanjian perdagangan bebas. Di akhir mesyuarat satu Kenyataan Akhbar Bersama juga telah dikeluarkan.

Sementara itu, pada sebelah petangnya, DYTM bersama Menteri-Menteri Luar ASEAN dan GCC membuat kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong di Istana.

Dari muka 1

Rombakan Menteri-Menteri Kabinet

Walau bagaimanapun rombakan yang diumumkan oleh baginda itu masih mengekalkan 12 kementerian. Kementerian-kementerian berkenaan adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam rombakan baru itu, baginda juga mengumumkan dengan menempatkan Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum ini, jawatan Menteri Kewangan II (Kedua) adalah diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Sementara itu, portfolio Timbalan Menteri Kewangan diwujudkan semula.

Walau bagaimanapun dalam rombakan kali ini, tiga jawatan Timbalan Menteri ditiadakan iaitu Timbalan Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Perhubungan dan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Rombakan itu juga menyaksikan empat orang Timbalan Menteri dilantik memegang jawatan Menteri. Sementara kesemua lapan orang yang dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri merupakan muka baru yang terdiri daripada pegawai- pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai kanan yang bersara. Berikutan dengan rombakan baru, keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet kini mengandungi 14 orang dan lapan orang Timbalan Menteri.

Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru adalah seperti berikut : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dilantik sebagai **Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.**

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dilantik sebagai **Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai **Menteri Pendidikan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Haji Mohd Yusof sebagai **Menteri Kesihatan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai **Menteri Pembangunan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haj Bakar sebagai **Menteri Perhubungan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai **Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai **Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng sebagai **Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai **Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman sebagai **Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdulah sebagai **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned sebagai **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat sebagai **Timbalan Menteri Pertahanan.**

Yang Mulia Awang Haji Bahrin bin Abdullah sebagai **Timbalan Menteri Kewangan.**

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail sebagai **Timbalan Menteri Pendidikan.**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong sebagai **Timbalan Menteri Pembangunan.**

Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar sebagai **Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman sebagai **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Industri pemprosesan berasaskan kayu meningkatkan *rate of recovery*

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya semasa melawat kemudahan kilang tersebut di Majlis Pembukaan Rasmi Kilang Industri Hiliran Perkayuan Syarikat Tri-Sun (B) Sendirian Berhad. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

MUKIM BUKIT SAWAT. - Penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam aktiviti industri pemprosesan hiliran dan nilai tambah berasaskan kayu merupakan salah satu kegiatan industri yang sangat dialu-alukan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana ia menepati kehendak dan keperluan masyarakat pengguna serta dapat meningkatkan *rate of recovery* pengguna bahan kayu dan mengurangkan sisa buangan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menegaskan demikian di Majlis Perasmian Kilang Industri Hiliran Perkayuan Syarikat Tri-Sun (B) Sendirian Berhad di Kilometer 14, Kampung Sungai Mau, Jalan Labi, baru-baru ini.

Yang Berhormat berkata, walaupun kadar nilai keluaran kasar sumbangan syarikat berkenaan kepada keluaran kasar produk kayu keseluruhan adalah masih ditahap agak rendah iaitu USD0.655 juta dari USD20 juta, tetapi aktiviti pengkilangan kayu telah memberikan impak yang sangat signifikan kepada peningkatan penggunaan sisa buangan kayu dan sekali gus meningkatkan *recovery rate*.

"Pada misalnya, r*ecovery rate* bahan asas kayu bagi aktiviti industri perkayuan primer, melalui penggunaan teknologi yang sedia ada di negara ini adalah pada kadar purata 45-50 peratus tetapi dengan adanya penglibatan syarikat terbabit dengan aktiviti-aktiviti industri hiliran dan nilai tambah perkayuan seumpama ini, ianya akan mampu meningkatkan *recovery rate* penggunaan bahan mentah kayu kepada 65-70 peratus," jelas Yang Berhormat.

Dasar penggunaan bahan mentah yang optima dan penerokaan penghasilan produk-produk baru berasaskan pemprosesan hiliran telah disarankan kepada pengusaha- pengusaha perkayuan di negara ini, tegas Yang Berhormat telah dijadikan satu kriteria bagi penyambungan lesen perkilangan, permohonan-permohonan konsesi pembalakan baru dan permohonan-permohonan tambahan kouta pembalakan di negara ini.

Yang Berhormat menyarankan semua pekilang-pekilang untuk bersatu dan saling bekerjasama antara satu dengan yang lain dalam menjalankan aktiviti seumpama ini agar sisa-sisa buangan kayu yang dihasilkan daripada kegiatan perkilangan masing-masing supaya akan dapat dijadikan sebagai bahan mentah yang berguna dalam menghasilkan produk-produk kayu hiliran yang bernilai, yang mana kerjasama antara syarikat-syarikat adalah sangat relevan untuk mendapatkan sumber bahan buangan yang lebih ekonomi jika dibanding dengan memprosesnya secara bersendirian.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Perindustrian dan Sumber- Sumber Utama (KPSSU) telah mengenal pasti kawasan Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat menjadi kawasan pemprosesan industri perkayuan hiliran berasaskan kayu dan bukan kayu bagi mana-mana permohonan baru yang seumpamanya.

Pihak kerajaan peka bahawa industri pemprosesan hiliran memerlukan tenaga elektrik yang lebih tinggi dan reliable dan sehubungan dengan ini, pihak kerajaan akan sedaya upaya meningkatkan keperluan- keperluan asas industri di kawasan ini, khususnya keperluan tenaga elektrik bagi kilang-kilang yang sedang dan akan bertapak di kawasan ini di masa akan datang.

Sehubungan itu, bagi memastikan kesinambungan industri berasaskan kayu pihak kerajaan telah melaksanakan dasar penuaian balak iaitu Tebang Satu Tanam Empat yang dimestikan kepada pekilang papan di negara ini. Satu dasar yang telah dilaksanakan supaya pembalak dapat menghargai dan turut sama bertanggungjawab dalam memastikan kelestarian sumber hutan untuk masa datang.

KPSSU melalui Jabatan Perhutanan selaku agensi pelaksana bagi menjalankan aktiviti penanaman semula hutan dan memperkayakan hutan asli yang telah dibalak, setakat ini telah berjaya menubuhkan ladang hutan dengan keluasan sebanyak 3,000 hektar dan telah menanam untuk memperkaya semula hutan-hutan yang sudah dibalak seluas 9,900 hektar.

Projek memperkayakan semula hutan yang ditebang dan perladangan hutan, jelas Yang Berhormat bertujuan untuk memastikan pengurusan hasil berterusan atau S*ustainable Yield Management*, bukan saja untuk menampung keperluan masyarakat tempatan di masa akan datang, tetapi juga untuk menampung keperluan bagi membekal bahan mentah untuk industri hiliran dan nilai tambah berasaskan kayu di negara ini.

Memandangkan sumber hutan negara adalah agak terhad, pihak kerajaan juga, sebagai alternatif kepada bergantung sepenuhnya kepada sumber bahan kayu tempatan, mengalu-alukan syarikat-syarikat tempatan yang bergiat dalam industri hiliran dan nilai tambah perkayuan ini untuk mendapatkan bahan mentah import bagi menampung keperluan industri masing-masing.

Selain itu pihak kerajaan, kata Yang Berhormat, juga mempromosikan kegiatan keluaran bukan kayu seperti perubatan atau *pharmaceutical*, kosmetik bagi produk penghasilan wangi - wangian, ekopelancongan, perkembangan dan bahan-bahan perubatan berasaskan sumber asli yang tidak diragui kehalalannya.

Dalam hal ini, beberapa usaha telah difikirkan bagi menerokai peluang-peluang penghasilan produk bukan kayu dengan mengambil peluang yang sedia ada di rantau ini dengan menjalankan kajian secara bersama dengan badan-badan penyelidikan yang sudah maju dan mandat faedah komersial daripada penggunaan kepelbagaian biodiversiti seperti memeterai penyelidikan bersama dengan *National Institute of Technology and Evalution* (NITE) Japan yang pada masa ini telah memasuki tahun kedua bagi perjanjian penyelidikan bersama selama lima tahun.

Melalui kerjasama penyelidikan ini, Negara Brunei Darussalam akan berpeluang meningkatkan keupayaan atau kapasitinya dari segi melahirkan tenaga manusia yang mahir dan pengukuhan infrastruktur R&Dnya selain daripada faedah langsung ekonomi hasil daripada penggunaan bahan genetik tersebut.

Kilang Industri Hiliran Perkayuan Syarikat Tri-Sun yang telah wujud sejak lebih 20 tahun yang lalu mengeluarkan produk-produk bukan sahaja untuk kegunaan domestik, malah ada diantaranya yang sudah dieksport keluar negara seperti Republik Singapura, Malaysia, Korea dan China.

Gelombang Hijau projek memelihara sumber hutan secara lestari

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih seribu pohon pokok akan ditanam secara serentak di beberapa buah lokasi di seluruh negara pada 22 Mei lalu yang merupakan salah satu aktiviti di bawah projek yang dikenali sebagai *Gelombang Hijau (The Green Wave)*.

Antara yang terlibat dalam penanaman pokok- pokok itu adalah para penuntut sekolah yang secara langsung akan mendidik serta memupuk rasa kesedaran dan kefahaman kepada mereka tentang pentingnya hutan untuk dipelihara dan diurus secara lestari.

Ke arah itu, Majlis Penyerahan Anak-Anak Pokok kepada wakil-wakil sekolah yang terlibat telah berlangsung di bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abd. Momin.

Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh menyatakan, pihak kerajaan khasnya KPSSU melalui Jabatan Perhutanan telah dan akan sentiasa mengambil langkah - langkah proaktif untuk melaksanakan dasar pengurusan hutan yang sedia ada.

Antara langkah-langkah tersebut jelasnya, dengan membuat strategi, inisiatif, program dan perancangan yang lebih teratur serta dinamik, menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan hutan yang lebih efisien dan efektif.

Langkah-langkah lain yang diambil katanya termasuklah menjalankan operasi-operasi yang berkaitan dengan pembangunan sumber hutan dan penuaian sumber hutan secara lestari dan pelaksanaan program-program kesedaran atau program-program hutan sosial melalui format yang lebih menarik yang mampu meningkatkan lebih ramai penyertaan semua pihak dan *stakeholders* yang berkenaan.

Majlis juga diselajurkan taklimat mengenai *Gelombang Hijau*, disampaikan oleh perwakilan dan Hongkong and Shanghai Bank Corporation (HSBC), Lim Boon Teck.

Beliau menyatakan, *Gelombang Hijau* merupakan kempen global yang membolehkan kanak-kanak dan para belia untuk membuat satu perbezaan melalui satu sekolah, satu pokok, satu langkah pada satu masa.

Sesiapa yang ingin menyertai kempen tersebut bolehlah mendaftar dengan melayari *http://greenwave.cbd.int.*

Penanaman anak-anak pokok secara serentak itu merupakan aktiviti yang mendukung program sosial Jabatan Perhutanan sempena sambutan Hari Perhutanan Sedunia yang menyasarkan penanaman sebanyak 60 ribu pohon pokok sepanjang tahun 2010.

Selain itu juga, ia merupakan tanda sokongan Negara Brunei Darussalam terhadap usaha United Nation Convention on Biological Diversity (CBD) yang mengistiharkan setiap 22 Mei sebagai Hari Biodiverisiti Antarabangsa.

TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Pengiran Hajah Mariana menyerahkan anak pokok kepada seorang penuntut wakil sekolah yang menyertai projek *Gelombang Hijau*. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir

Berikan sokongan kepada usahawan belia di bidang perniagaan

Oleh : Abdullah Asgar

MUARA, Khamis, 20 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar menyeru kepada para pengguna supaya dapat memberikan peluang serta sokongan kepada para usahawan belia di negara ini untuk berjaya dalam bidang perniagaan.

Peluang itu katanya, termasuklah dengan memberikan pertimbangan khusus kepada hasil keluaran atau perkhidmatan yang mereka tawarkan, demi untuk melihat lebih ramai golongan belia berkecimpung di bidang perniagaan.

"Dunia keusahawanan adalah merupakan arena di mana para belia boleh mendapat kebebasan dalam menentukan jenis karier mereka sendiri, khasnya apabila belia itu sendiri yang menjadi tuan empunya perusahaan tersebut," jelasnya.

Dato Paduka membuat seruan tersebut semasa berucap di Majlis Penyampaian Sijil Ke-10 Program Pembangunan Belia (PPB) Sesi 2008 - 2009 di Dewan Binadiri, PPB, di sini.

Dato Paduka menyatakan, bidang keusahawanan itu merupakan satu bidang yang tiada batasan, maka peluang untuk mendapatkan imbuhan kewangan juga boleh dimaksimakan, kerana usahawan itu sendiri yang akan bakal menentukan jumlah gajinya sendiri dan pendapatan perniagaannya.

"Kewujudan tapak-tapak atau kemudahan-kemudahan perniagaan di negara ini sepatutnya direbut sepenuhnya oleh para belia kerana ini adalah merupakan salah satu usaha daripada pihak kerajaan dalam menggalakkan dan merancakkan lagi aktiviti keusahawanan di kalangan belia di negara ini," ujarnya.

Menurutnya, apa yang perlu para belia yang ingin berkecimpung dalam bidang ini bukan sahaja perlu komited, akan tetapi juga mesti bersifat kreatif dan inovatif serta boleh mengenal pasti jenis perniagaan yang ingin mereka ceburi.

Seramai 140 orang peserta menerima sijil setelah menamatkan program di Pusat Pembangunan Belia 2008-2009 masing-masing dalam bidang kemahiran komputer dan pengendalian pejabat; kemahiran jahitan asas dan sulaman; solekan dan dandan rambut, kemahiran *hairstylish* lelaki; *plumbing* dan *pipe fitting*; kimpal dan fabrikasi; penghawa dingin dan *refregiration* dan membaik pulih badan kenderaan.

Sejumlah lapan orang penerima sijil telah berkhidmat di jabatan- jabatan kerajaan, 29 orang berkhidmat di sektor swasta dan 14 orang telah mendapat anugerah *Micro Grant* bagi memulakan perniagaan.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid semasa menyampaikan sijil kepada peserta program di Majlis Penyampaian Sijil Ke-10 Program Pembangunan Belia (PPB) Sesi 2008 - 2009 di Dewan Binadiri, PPB. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Tip mencari khusyu' dalam sembahyang

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn-Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 358

BAHAGIAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KHUSYU' dalam sembahyang ialah menghadirkan hati kepada Allah di dalam sembahyang.

Ia merupakan hakikat batin yang sebenar-benar bagi suatu sembahyang. Hakikat zahirnya pula ialah perbuatan anggota seperti berdiri, membaca, ruku', sujud dan sebagainya. Kedua-duanya mestilah dilaksanakan dengan sempurna.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam:*

Maksudnya: *"Sembahyang itu dua-dua rakaat, terdapat tasyahhud pada setiap dua rakaat, kekhusyu'an hati, bersungguh-sungguh memohon dan merendah diri serta ketenangan hati ..."* (Hadis riwayat at-Tirmidzi).

Khusyu' dalam sembahyang itu merupakan antara kunci yang penting untuk memberi kesan yang baik secara efektif kepada orang yang mendirikannya. Allah Ta'ala menggelar mereka sebagai orang Mukmin yang berjaya.

Allah Ta'ala berfirman:

Tafsirnya: *"Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyu' dalam sembahyangnya."* (Surah al-Mukminun, ayat 1-2).

Melihat kepada kepentingan khusyu' dalam sembahyang itu maka diutarakan di sini sebahagian tip atau panduan yang boleh digunapakai untuk memandu diri kita ke arah perlaksanaan ibadat sembahyang yang khusyu'.

Untuk mendapatkan khusyu' dalam sembahyang hendaklah sentiasa membuat persediaan awal yang rapi dari aspek fizikal dan rohani. Persediaan tersebut sebenarnya bermula di luar sembahyang, sebelum seorang itu mendirikan sembahyang.

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh dibuat untuk membantu menimbulkan khusyu' dalam sembahyang:

1. Sebelum mendirikan sembahyang pastikan perkara-perkara berikut:

i) Menjaga makanan dan minuman. Khusyu' itu berkaitan dengan kerja hati. Oleh itu, hati perlu dipelihara kesuciannya dengan menjauhkannya daripada benda-benda yang haram atau tidak halal. Oleh itu, pastikan apa yang kita makan dan minum hendaklah bersumber daripada yang halal.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam:*

Maksudnya: *"Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging; apabila ia baik baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah ya dikatakan hati."* (Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim).

ii) Mengambil wudhu dengan sempurna supaya air mengenai semua anggota wajib serta mengingati niat. Sebab kesempurnaan sembahyang juga terletak kepada kesempurnaan wudhu'.

Diriwayatkan daripada Abu Rauh al-Kula'ie daripada seorang laki-laki bahawa beliau pernah mendirikan sembahyang Subuh bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam sembahyang tersebut membaca surah ar-Ruum. Pada salah satu ayatnya, bacaan Baginda terganggu. Lalu apabila selesai sembahyang Baginda bersabda:

Maksudnya: *"Sesungguhnya bacaan kami terganggu disebabkan terdapat beberapa orang di antara kamu yang sembahyang bersama kami tidak menyempurnakan wudhu' mereka. Oleh itu, siapa yang mendirikan sembahyang bersama kami, maka sempurnakanlah wudhu'nya."* (Hadits riwayat Ahmad dan an-Nasa'ie).

Di samping itu sebahagian kelebihan wudhu' itu dapat menjauhkan seseorang daripada gangguan syaitan. Saidina 'Umar *Radhiallahu 'anhu* berkata:

Maksudnya: *"Sesungguhnya wudhu' yang baik itu mengusir syaitan daripada engkau."*

iii) Membersihkan diri, termasuk bersugi.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya: *"Jika tidak mendatangkan kesusahan ke atas umatku atau ke atas manusia nescaya aku menyuruh mereka bersiwak pada setiap kali hendak sembahyang."* (Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Para ulama menegaskan bahawa bersugi itu mempunyai tujuh puluh faedah. Antara faedah dan kelebihannya ialah:

- Membersihkan dan mengharumkan bau mulut.
- Memutihkan gigi.
- Mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
- Membetulkan atau meluruskan tulang belakang.
- Menolong menguatkan gusi.
- Meningkatkan kecerdikan.
- Menggandakan pahala amal ibadat.
- Melancarkan kefasihan atau kepetahan pertuturan.
- Menguatkan hafalan.
- Mensucikan hati.
- Menyukakan malaikat.

iv) Jangan sembahyang dalam keadaan menahan buang air besar atau air kecil.

v) Jangan sembahyang dalam keadaan lapar.

Sebolehnya selesaikan atau perkemaskan segala urusan keperluan diri termasuk makan dan qadha hajat terlebih dahulu. Tujuannya ialah supaya tidak timbul kebimbangan dan ketidakselesaan ketika menunaikan sembahyang.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

Maksudnya: *"Jangan sembahyang ketika makanan (yang hendak dimakannya) sedang tersedia, dan jangan sembahyang dalam keadaan menahan buang air besar dan air kecil."* (Hadis riwayat Muslim).

vi) Memakai pakaian yang bersih dan kemas. Jangan memakai pakaian yang kurang selesa, seperti memakai sarung kaki yang sempit, mengikat serban terlalu ketat dan sebagainya.

vii) Pilih tempat sembahyang yang suasananya tenteram, selesa, tidak bising dan sebagainya.

Termasuk langkah yang boleh dibuat, pastikan tidak terdapat telepon di dalam bilik tersebut. Atau jika membawa bersama telepon bimbit, pastikan ianya dimatikan (*switch off*) sebelum sembahyang.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan bahawa makruh menunaikan sembahyang di tempat orang lalu lalang, kerana yang demikian itu boleh mengganggu kekhusyukan sembahyang seseorang.

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma:*

Maksudnya: *"Bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menegah mendirikan sembahyang pada tujuh tempat: Tempat pembuangan sampah, tempat penyembelihan, kubur, tengah-tengah jalan, bilik mandi, tempat unta duduk di keliling air dan di atas Baitullah."* (Hadits riwayat at-Tirmidzi).

iix) Pastikan supaya tidak ada objek atau gambar yang boleh mengganggu fikiran atau membimbangkan hati di tempat sujud.

Diriwayatkan daripada Saidatuna 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* bahawa Nabi S*hallallahu 'alaihi wasallam* pernah mendirikan sembahyang di atas hamparan daripada bulu yang mempunyai objek lukisan, lalu Baginda bersabda:

Maksudnya: *"Objek lukisan ini mengganggu aku, bawalah ia kepada Abu Jahm dan bawakan kepadaku hamparan tebal yang tidak ada ukiran."* (Hadits riwayat Muslim).

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan mengenai riwayat di atas bahawa ianya memberi petunjuk akan galakan supaya menghindarkan atau menjauhkan apa-apa yang dikhuatiri melalaikan hati dari khusyu' ketika mendirikan sembahyang.

Tersebut di dalam riwayat bahawa Abdullah bin 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* tidak pernah meletakkan al-Qur'an atau pedangnya di tempat sembahyangnya, juga tulisan atau surat. Semuanya diletakkan di belakangnya atau di mana saja yang tidak dapat dilihat olehnya.

BERSAMBUNG

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Etika berpakaian

"HAI anak Adam, sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kalian pakaian untuk menutupi aurat kalian dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik" (Surah An Nahl, ayat 81).

Ajaran Islam membentuk umatnya mengekang hawa nafsu sehingga ia terpimpin ke arah kebaikan, kesopanan dan juga kemuliaan, Islam juga telah menggariskan beberapa etika berpakaian bagi lelaki dan perempuan. Etika ini memenuhi batas-batas penutupan aurat sebagai seorang Muslim. Tidak ditetapkan apa pakaian yang harus dikenakan, asalkan ianya menutupi aurat dan menggambarkan yang kita adalah seorang Muslim.

Seperti mana pernah diketengahkan, pandangan salah seorang cendekiawan Islam Mesir, Sayyid Sabiq, beliau telah memecahkan tahap hukum berpakaian kepada tiga bahagian:

1. Pakaian Wajib - Menutup bahagian-bahagian badan yang menjadi aurat dan mampu memeliharanya dari kepanasan atau kesejukan, di samping menghindarkan sebarang kemudaratan ke atas dirinya.

2. Pakaian Sunat - Pakaian yang bermaksud untuk kecantikan dan perhiasan yang tidak berlebih-lebih.

3. Pakaian Haram - Pakaian yang diharamkan oleh syarak iaitu lelaki tidak dibenarkan memakai sutera dan emas, memakai pakaian yang dikhususkan untuk perempuan, atau sebaliknya perempuan memakai pakaian yang dikhususkan untuk lelaki dan juga memakai pakaian yang *syurah* (menunjuk-nunjuk), *ikhtiyal* (bermegah-megah) dan pakaian yang *israf* (melampau).

Fesyen pakaian sekarang sudah berubah mengikut peredaran zaman. Belia dan remaja sekarang lebih suka memakai pakaian mengikut budaya barat yang kecil dan mendedahkah bentuk tubuh badan mereka. Padahal pilihan busana Muslim juga sekarang semakin bertambah dan juga mengikut trend masa kini. Tetapi bagi mereka pakaian cara barat inilah sahaja yang boleh mereka katakan moden dan maju.

Jadi bagaimanakah caranya kita ingin membentuk belia dan remaja kita sekarang untuk berpakaian mengikut undang-undang Islam? Sebenarnya ianya haruslah datang dari *nawaitu* masing-masing dan peranan ibu bapa juga sangat penting di sini. Ibu bapa sebagai seorang Muslim, wajib mengetahui etikaetika berpakaian secara Islam, jadi anak haruslah dididik dari awal lagi, terutamanya anak perempuan, di mana sepertimana kita ketahui bahawa syarat pakaian perempuan lebih ketat dan banyak berbanding lelaki.

7. Penender mestilah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran perniagaan seperti Lesen Perniagaan Bil 16 & 17, 'Business License' bagi syarikat berhad & sendirian berhad, sijil-sijil pendaftaran kelas ketagori dari Kementerian Pembangunan, lesen-lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan oleh jabatan ini, resit pembelian dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik syarikat bagi Rakyat Brunei dan atau pasport bagi warganegara asing, pengetahuan/pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
8. Mengisi borang pengakuanv/ *declaration form* dengan lengkap.

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan PELITA BRUNEI , Bahagian akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Rang Iklan hendaklah dimasukkan ke dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy'.

Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.

Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan Sistem Ejaan Rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi keskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.

Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itu pun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.

Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.

Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis, 11.00 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan dating.

Hanya kementerian-kementerian, jabatan- jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.

Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-
syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

Iklan-iklan juga boleh dihantar terus melalui e-mel: iklanpelitabrunei@yahoo.com

KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF/DFA/RC/166(1)
THE SUPPLY OF PLYWOOD AND TIMBER FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES (5 YEAR CONTRACT)

Bayaran Tawaran :
$100.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 1 Jun 2010, dilanjutkan tarikh tutup, pada 8 Jun 2010, (hari Selasa).**

Dokumen-Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Bayaran tawaran, *Tender fee* dan *Dokumen fee* hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu.

Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman Web: **http://www.mindef.gov.bn**

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Projek **:** ***Library Extension (Phase 1)***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/07/10**
Yuran Tawaran : **$1,000.00**
Tarikh dibuka : **26 Mei 2010**
Tarikh tutup : 22 Jun 2010.

Projek : ***The Signage Project***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/011/2010**
Yuran Tawaran : **$100.00**
Tarikh dibuka : **2 Jun 2010**
Tarikh tutup : 22 Jun 2010.

Projek : ***The Upgrade of Teaching and Learning Areas***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/010/2010**
Yuran Tawaran : **$500.00**
Tarikh dibuka : **2 Jun 2010**
Tarikh tutup : 22 Jun 2010.

Projek : ***The Upgrade of Furniture at Teaching and Learning Areas (Part 1)***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/09/2010**
Yuran Tawaran : **$30.00**
Tarikh dibuka : **2 Jun 2010**
Tarikh tutup : 22 Jun 2010.

Projek : ***Replacement of Chiller, Cooling Tower and Accessories.***
Bil. Tawaran : **UBD/E8/012/2010**
Yuran Tawaran : **$500.00**
Tarikh dibuka : **2 Jun 2010**
Tarikh tutup : 22 Jun 2010.

Penghantaran Tawaran :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Block A, Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan [A],
Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Pengambilan Tawaran :
Pejabat Bendahari, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.

Waktu mengambil tawaran :
Isnin-Khamis dan Sabtu :
8.00 - 11.00 pagi
2.00 - 3.30 petang

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TARIKH mengambil dokumen adalah seminggu sebelum tarikh tutup.
2. Bayaran yuran tawaran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian dan diterima setelah tarikh tutup tidak akan dilayan.
4. Penender akan dikenakan denda mengikut undang-undang Lembaga Tawaran Negara sekiranya menarik diri atau membatalkan tawaran/kontrak yang telah pun diluluskan atau selepas tarikh tawaran ditutup.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410.

Tel: +673 2463001 ext 2130 / 2288 Fax: +673 2460552 / 2461554.

JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

1. DOKUMEN-DOKUMEN sebut harga serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian IT & E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 7, Blok 2D, Bangunan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja, **mulai hari Rabu 26 Mei 2010.**
2. Sebut harga - sebut harga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang telah disediakan.
3. Sebut harga hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 1 Jun 2010** ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bil. dan Tajuk sebut harga tanpa menunjukkan sebarang tanda syarikat dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN PERDANA MENTERI,
PETI TAWARAN TINGKAT 1,
BANGUNAN SEKRETARIAT,
JABATAN PERDANA MENTERI,
JALAN ELIZABETH II,
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,

4. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah berhubung dengan pegawai Bahagian IT & e-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Hajah Mona Nurdiyana Haji Mohamad melalui emel ***mona.mohamad@jpm.gov.bn.***
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima sebutharga yang paling rendah atau sebarang sebutharga yang difikirkan tidak munasabah.

Bil / Sebut Harga / Tajuk Sebut Harga / Tarikh Tutup
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
JPM/IT/PROC/1 Supply and Deliver of Lexmark Toners 1 Jun 2010
JPM/IT/PROC/2 Supply and Deliver of Xerox Toners 1 Jun 2010

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PUSAKA
NO . LA / 105 / 2010

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Ali Othman bin Awang Besar** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Awang Besar bin Mohd Salleh** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **8 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**
Tarikh : 19 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
NO . LA / 107/ 2010

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Pengiran Suhardy bin Pengiran Haji Nordin** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Pengiran Haji Nordin bin Pengiran Haji Tengah** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **8 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**
Tarikh : 19 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
NO . LA / 75 / 2010

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Dang Damit binti Arsat** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Ahmad bin Haji Mina** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Pegawai Bandar Seri Begawan pada **15 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**
Tarikh : 20 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
NO . LA / 62 / 2010

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Anchong bin Mohamad** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Mohammad bin Rahman** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan pada **15 Jun 2010** pada **9.30 pagi**.
Tarikh : 16 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
RE-SEALING NO . / 02 / 2010

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Toh Ee Loong** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Toh Hong Kee** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **Pemegang Surat Kuasa** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **15 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 18 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
RE-SEALING NO . / 01/ 2009

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Toh Ee Loong** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Pang Yau Ying** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **Pemegang Surat Kuasa** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **15 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**
Tarikh: 18 Mei 2010

SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA / 23 / 2009

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Abd. Kahar bin Abd. Hamid** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Abd Hamid bin O.K.M. Yusof @ Lamit bin O.K. Muda Usop** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **6 Julai 2010** pada **9.30 pagi.**
Tarikh : 17 Mei 2010

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

LIM CHING
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Tawaran-Tawaran adalah dipelawa dari Projek: PROPOSED 350 UNITS TERRACE HOUSE FOR NATIONAL HOUSING SCHEME (CONTRACT H17, H18, H19 & H20) (PACKAGE 2) AT KG. MERAGANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
No. Projek : JKP /12/ 2010

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga **jam 2.00 ptg, hari Selasa 15 Jun, 2010.**

(1) Permohonan Ikut Serta Tawaran
Tarikh mengambil borang mengikuti tawaran dibuka : **26 Mei, 2010 (Rabu)**

Tarikh tutup menghantar borang mengikuti tawaran kepada Bahagian Perancangan Projek : **9 Jun, 2010 (Rabu)**

(2) Dokumen & Lukisan Tawaran
Tarikh akhir mengambil dokumen & lukisan tawaran dari Bahagian Perancangan Projek,JKP : **16 Jun, 2010 (Rabu)**

Tarikh menghantar / Tutup Tawaran : **23 Jun, 2010 (Selasa)**

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Yuran Tawaran : **$5,000.00**
(Tidak dikembalikan)
Yuran E-Dokumen : **$5.00 (Tidak dikembalikan)**
(E-Dokumen dan Lukisan Tawaran)

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran Dan Yuran Dokumen / Lukisan Tawaran

Bulan Biasa:
Isnin - Khamis : 8.00 Pagi - 2.30 Petang
Sabtu : 8.00 Pagi - 10.30 Pagi

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan didalam iklan.
2. Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
3. Tawaran-Tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Pemborong yang berminat untuk ikut serta didalam tawaran ini hendaklah terlebih dahulu menghadapkan permohonan untuk mengikuti tawaran ini dengan menggunakan borang permohonan yang telah disediakan. Borang-Borang permohonan tersebut bolehlah didapati di Bahagian Perancangan Projek. Tarikh tutup bagi mengikuti tawaran menghantar permohonan tersebut ialah pada hari Rabu, 9 Jun 2010. Penilaian bagi permohonan untuk mengikuti tawaran ini akan dilaksanakan oleh pihak Bahagian Perancangan Projek.
5. Pemborong hanya akan dibenarkan ikut serta didalam tawaran ini jika Pemborong berjaya didalam permohonan tersebut. Setiap permohonan pemborong (samada berjaya atau tidak berjaya) akan dimaklumkan oleh Bahagian Pentadbiran Kontrak, Jabatan Kemajuan Perumahan melalui persuratan kepada Pemborong. Pemborong yang berjaya akan diberikan oleh Jabatan ini 'Pengesahan bagi Kelayakan untuk Mengikuti Tawaran' (Tender Eligibility Certification).
6. Dokumen-Dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
8. Tawaran-Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
10. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
11. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN/4(39/1997).
12. Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
13. Pemborong yang dibenarkan untuk ikut serta didalam tawaran ini adalah bagi Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas dan Kategori Kerja yang telah ditetapkan, mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam melaksanakan projek-projek pembinaan infrastruktur dan bangunan / perumahan sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun kebelakangan dan keutamaan adalah diberikan kepada Pemborong yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek yang bernilai $10 juta keatas, mempunyai rekod prestasi kerja yang memuaskan bagi projek-projek Kerajaan yang telah siap dilaksanakan, mendapat bantuan kewangan dari Bank tempatan dalam melaksanakan projek ini dan Pemborong hendaklah tidak tersenarai dalam Syarikat-Syarikat yang tidak dibenarkan ikut serta didalam tawaran-tawaran Kerajaan.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/057/2010

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF EGT/GENERAL ELECTRIC FRAME 6 GAS TURBINE BLADE KIT, TURBINE ROTOR 2nd STAGE FOR LUMUT POWER STATION

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/058/2010

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF EGT/GENERAL ELECTRIC FRAME 6 GAS TURBINE 1st STAGE NOZZLE ARRANGEMENT FOR LUMUT POWER STATION

Tarikh Tutup :
Hari Selasa, 29 Jun 2010, 2.00 petang.
Yuran Tawaran : **B$50.00** (Tidak dikembalikan)

Tempat tutup :
'TENDER BOX'
Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian TENAGA,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,
Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan **Kelas II keatas dalam Kategori 6a, 6f, 6g, sahaja.**

Dokumen-Dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan perkhidmatan Elektrik Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:-
Sila bawa salinan sijil pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perbekalan, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN :
JPE/LTK/PSP/054/2010
TAJUK TAWARAN :
REINFORCEMENT OF 11KV DISTRIBUTION NETWORKS AT KG. KAPOK AND KG. MERAGANG, JALAN MUARA
Tarikh Tutup : **Hari Selasa, 13 Julai 2010, 2.00 petang**
Yuran Tawaran : **B$1,000.00** (Tidak dikembalikan)

Tempat tutup :
'TENDER BOX'
Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian TENAGA,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 5, Blok Unit Petroleum,
Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan **Kelas V atau VI, Kategori 7C.**

Dokumen-Dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem dan Pengurusan Projek, Tingkat 1 Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:
Sila sertakan "BUSINESS NAMES ENACTMENT. 1958 - SECTION 16 & 17 DAN **Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**

Brunei alu-alukan ketibaan *Queen's Baton Relay* 2010

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mei. - Hanya 14 hari, 8 Jun 2010, *Queen's Baton* 2010 Delhi akan tiba dari Republik Singapura, destinasi ke-64 dari 71 destinasi Komanwel.

Negara Brunei Darussalam akan memberikan laluan terus-menerus pada saat baton tersebut tiba sebagaimana ia merupakan satu *relay* terpanjang dalam sejarah. Baton tersebut sedang mengembara melalui Kepulauan Cook.

Queen's Baton Relay merupakan pembuka tirai bagi Sukan Komanwel dan telah menjadi tambahan dalam program sukan sejak Sukan Komanwel Cardiff 1957 di Wales.

Queen's Baton Relay 2010 Delhi bermula daripada Istana Buckingham pada hari Khamis, 29 Oktober 2009, yang mana Her Majesty Queen Elizabeth II menyerahkan baton tersebut kepada Abbinav Bindra dari India - pelari pertama di kalangan ribuan pelari baton ke seluruh dunia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), bersabda merasa sukacita bahawa Negara Brunei Darussalam telah diberikan penghormatan menjadi tuan rumah *Queen's Baton* 2010 Delhi, membawa dengannya peluang bagi menonjolkan dan mempromosikan negara melalui perhatian media yang menyertai.

BDNOC berkata, perancangan sudah dilaksanakan bagi mengalu-alukan ketibaan *Queen's Baton Relay* 2010 Delhi dalam masyarakat / komuniti.

Mereka berharap untuk melihat lebih banyak penyertaan tempatan menyertai pesta-pesta dan sambutan-sambutan bagi mengalu-alukan para pelari baton.

Bersempena dengan *Queen's Baton Relay* ini, pameran *Queen's Baton Relay* juga akan diungkayah pada hari Rabu dan Khamis, 9 dan 10 Jun 2010.

Laluan baton di negara ini akan melalui Bandar Seri Begawan dan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti akan dimaklumkan sebelum *relay*.

Sebagai sebahagian daripada perjalanan epiknya, *Queen's Baton* 2010 Delhi akan melintasi semua 71 buah negeri Komanwel meliputi 190,000 kilometer dalam 340 hari dengan menyebarkan mesej muhibah pada perjalanannya ke Sukan Persahabatan.

Baton tersebut akan memakan masa perjalanan selama 240 hari mengembara seluruh Eropah, Afrika, Amerika, Caribbean, Oceania dan Asia yang mana, baton akan menghabiskan masanya selama 100 hari pada perjalanan kebangsaan di India.

Relay ini akan berakhir di Stadium Jawaharial Nehru semasa Majlis Pembukaan Sukan Komanwel XIX 2010 Delhi pada 3 Oktober 2010. Semasa pembukaan tersebut, baton akan diserahkan semula kepada *Her Majesty* atau wakil baginda, mesej akan dibuka dan dibaca semasa perasmian Sukan Komanwel.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berbual mesra sejurus sebelum berangkat meninggalkan negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF). - Foto : - Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Berangkat menghadiri Mesyuarat SEAGF

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF).

Republik Indonesia akan menjadi tuan rumah kepada sukan dwitahunan Sukan SEA tahun depan.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina bi nti Haji Othman berserta pegawai dan kakitangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Taklimat Informasi Sukan 2010

Oleh :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mei. - Lebih kurang 60 peserta terdiri dari para pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) menyertai Taklimat Informasi Sukan 2010 di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Taklimat tersebut dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Muhd. Zamri bin Dato Paduka Haji Muhd. Hamdani.

Awang Haji Muhd. Zamri dalam ucapannya menyatakan, koleksi informasi sukan yang diperolehi melalui sesi taklimat itu akan digunakan sebagai panduan bagi memudahkan pengurusan dan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagai pegawai yang berkhidmat di jabatan berkenaan.

Menurutnya, semua teori akan dikumpul dan dibukukan untuk dijadikan panduan serta rujukan bila mana ia diperlukan.

Terdahulu, Pengerusi Bersama, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dalam ucapan alu-aluannya berkata, jika dilihat dari perspektif kemasyarakatan, adalah menjadi tanggungjawab para pegawai dan kakitangan JBS sebagai pakar rujuk kesukanan memberikan sekurang-kurangnnya sedikit penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat mengenai acara sukan, peraturan serta perlaksanaan penganjurannya.

KOLEKSI informasi sukan yang diperolehi melalui sesi taklimat itu akan digunakan sebagai panduan bagi memudahkan pengurusan dan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagai pegawai yang berkhidmat di jabatan berkenaan.

PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Muhd. Zamri semasa berucap melancarkan Taklimat Informasi Sukan 2010. - Foto : Ampuan Haji Tengah Ampuan Haji Mahmud.

Penyampaian penerangan acara-acara sukan tambahnya bukan sahaja tertumpu kepada persembahan penyampaian taklimat melalui *powerpoint* tetapi juga melibatkan tayangan klip video, praktikal, sesi soal jawab dan turun padang ke gelanggang-gelanggang sukan yang berkenaan.

Taklimat melibatkan 27 acara sukan secara berjadual hingga hujung tahun ini bertujuan untuk meluaskan pengetahuan serta memberikan maklumat kepada para pegawai dan kakitangan JBS berkaitan sukan sama ada dari sudut teknikal dan latihan.

Kejohanan Boling Piala Ketua Pos Agung

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mei. - Sebanyak 14 buah pasukan dari cawangan-cawangan Pejabat Pos menyertai Kejohanan Boling Piala Ketua Pos Agung, berlangsung di Pusat Utama Boling di Jalan Tutong, di sini.

Kejohanan yang dibahagikan kepada dua kategori ini bermula sejak 17 Mei lalu yang dimulai dengan acara perseorangan dan diikuti dengan acara berpasukan.

Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan ini ialah Mata-mata A', Mata-mata B' KPA Bowlers, MPC, SMS *Bowling*, *Fake Strikerz*, Pos Sengkurong, H2A, MPC *Premium*, MP-13A, Mp-13B, Penyerahan BSB, PPH dan Qlap 69.

Perlawanan disaksikan oleh Ketua Pos Agung, Awang Haji Abdul Kadir bin Tengah, yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang di akhir perlawanan.

Juga menerima hadiah di perlawanan itu ialah pemain yang berjaya melakukan tiga kali *strike in a row* dan *split in a row* selain *high scorer* dan *high series*.

Kejohanan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan serta mewujudkan perpaduan dan saling bekerjasama antara satu sama lain.



SEORANG wakil pasukan yang ikut serta di Kejohanan Boling Piala Ketua Pos Agung 2010. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Kejohanan Futsal anjuran JAPTIM 2010
Kluster Lima juara

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mei. - Pasukan Kluster Lima muncul juara Kejohanan Futsal Antara Kluster-kluster anjuran JAPTIM 2010 setelah berjaya mengumpul 13 mata dengan mengepikan lima pasukan kluster yang lain.

Kejohanan yang pertama kali itu diadakan di Padang Sukan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) itu dianjurkan oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Naib juara disandang oleh pasukan Kluster Dua yang mengumpul sembilan mata manakala pasukan Kluster Satu mengisi tempat ketiga dengan mengutip lapan mata.

Hadir menyampaikan hadiah kepada juara, naib juara dan tempat ketiga ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Abdul Ghani bin Haji Kadir.

Sejumlah enam pasukan/kluster terdiri daripada guru-guru sekolah-sekolah menengah menyertai kejohanan itu bertujuan untuk memberikan peluang kepada guru-guru mempamerkan bakat dan kebolehan masing-masing dalam acara sukan khasnya bola sepak futsal dan bagi memilih wakil Kementerian Pendidikan menyertai acara futsal dalam sukan antara kementerian yang akan diadakan nanti.

Beberapa jenis sukan lain yang akan diadakan kemudian seperti acara boling dan badminton juga bertujuan memilih peserta mewakili Kementerian Pendidikan.

Kejohanan itu disertai guru-guru dari Sekolah Menengah (SM) Berakas, MSPSBS, SM Menglait, Maktab SOAS, SMJA, SM Sultan Hassan, SM PIHM Serasa, SSA Salambigar, SM Lambak Kiri, SM PAP Hajah Masna, SM Rimba, SM SUA, SM AS, SM Tanjong Maya, SM Muda Hashim, SM Ripas, SM Sufri Bolkiah, AAC, SM SA, SMPAP HRSB, SMPJN PHAB dan SMPW.

'Kelalaian' musuh utama

Kebawah DYMM lahirkan penghargaan, terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang tidak lagi dilantik bagi membarisi barisan Menteri-Menteri Kabinet bagi tempoh 2010-2015.

"Di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan kebajikan dan kebahagiaan," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah melahirkan penghargaan itu ketika bertitah semasa mengumumkan mengenai rombakan Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara.

DPMM berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran ABDB Ke-49 Tahun

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Jeneral ABDB ketika berangkat di Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Hezalinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan doa kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-49 bertempat di Surau Berakas Garison, di sini.

Berangkat ke majlis keagamaan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga merupakan Jeneral ABDB.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.

Juga menjunjung keberangkatan DYTM ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pemerintah-pemerintah angkatan tentera dan Komandan Institut Latihan ABDB serta para pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Juga hadir di majlis itu Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dibacakan oleh 807 Leftenan Awangku Khairuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tali, diikuti Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, bacaan wirid dan doa, Surah Yaa Siin dan Tahlil serta doa kesyukuran khusus bagi sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49.

Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan junjung ziarah ke hadapan majlis DYTM.

Majlis diakhiri dengan Majlis Santap Malam dan sesi bergambar yang diadakan di Mes Pegawai Berakas Garison.

ABDB yang mula ditubuhkan pada 31 Mei 1961 menyambut hari ulang tahunnya pada tarikh tersebut setiap tahun.

Majlis Doa Kesyukuran berkenaan merupakan satu acara sambutan di samping acara-acara lain dengan harapan memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi kelancaran sambutan Hari Ulang Tahun ABDB.

Kemuncak sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 diadakan di Penanjong Garison.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Siti Zuraihah Awang Sulaiman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa bertitah di Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 di Padang Kawad, Penanjong Garison. - Foto : Masri Osman.

TUTONG, Isnin, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertitah mengingatkan semua warga ABDB bahawa musuh utama yang sentiasa mengintai-intai ialah 'kelalaian'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, jika sedikit lalai boleh mengakibatkan bencana atau musibah.

Baginda bertitah menegaskan perkara ini di Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 di Padang Kawad, Penanjong Garison, di sini.

"Bukankah di sebalik keamanan itu masih terdapat ketidakpastian berupa kemungkinan wujudnya anasir dan ancaman yang kita tidak sangka-sangka?" titah baginda.

Semua itu titah baginda, memerlukan kesedaran dan kewaspadaan yang berterusan, di samping itu kualiti juga perlu ditingkatkan dalam menjalani latihan-latihan bersama antara perkhidmatan - perkhidmatan ABDB di semua peringkat.

Baginda seterusnya bertitah menyarankan agar warga ABDB menguasai semua kaedah tatapemerintahan seperti kaedah *balance score card*, *performance budgeting* dan yang akan datang *Capital Budgeting* yang mana semua itu perlu dilaksanakan secara tepat dan konsisten.

"Selain itu, penglibatan di dalam operasi-operasi luar negara, khasnya yang di bawah misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga perlu diteruskan, kerana manfaatnya adalah cukup besar, bukan saja bagi anggota yang terlibat dan ABDB sendiri, malahan juga bagi negara di bidang diplomasi pertahanan," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda mengucapkan syabas kepada ABDB dan khasnya anggota yang pernah dan sedang bertugas di dalam Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Mindanao, Republik Filipina dan di dalam Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL).

Sumbangan negara di dalam pasukan-pasukan berkenaan, tegas baginda telah meletakkan Negara Brunei Darussalam selaku penyumbang terhadap keselamatan antarabangsa.

Dalam peningkatan individu pula, baginda seterusnya mengambil maklum bahawa Kursus Maktab Turus, selaku komponen Akademi Pertahanan ABDB yang akan bermula pada bulan November 2010 adalah selaras dengan dasar pembelajaran sepanjang hayat.

"Cara dan pendekatan seperti ini memang kita sokong dan galakkan. Maka oleh itu, pujian patutlah diberikan kepada Kementerian Pertahanan dan ABDB di atas pencapaian tersebut," titah baginda.

Baginda bertitah, dengan sasaran peningkatan secara menyeluruh dan seimbang ini, insya-Allah kita akan dapat melihat Kementerian Pertahanan dan ABDB mampu untuk menjalankan amanah yang dipikulkan kepada mereka.

Jawatan Mufti Kerajaan, Peguam Negara bertaraf Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan bahawa mulai hari ini jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Baginda memaklumkan perkara itu ketika bertitah semasa mengumumkan mengenai rombakan keahlian Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan pelantikan-pelantikan baru yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara.

"Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara mulai hari ini adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri," titah baginda.

'NEGARA AMAN MAKMUR PINTU KEPADA SEMUA KEBAJIKAN'

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقئن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.